PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 JANUARY 2017

Dr M masih tenggelam dengan masa lampau: Abdul Rahman

BH – 22/1/2017

Bekas PM tak dapat terima hakikat ekonomi, keperluan negara kini sudah berbeza

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad masih lagi tenggelam dalam masa lampaunya dan tidak dapat menerima hakikat bahawa ekonomi dan keperluan untuk Malaysia kini sudah berbeza.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan, menjelaskan ketika ini Malaysia sudah melangkah ke fasa kemajuan ekonomi seterusnya untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, dengan tumpuan kepada kemajuan sektor perkhidmatan.

Beliau berkata, usaha itu sudah dimulai sejak 2009, dengan mengambil kira usaha dilakukan negara maju yang menunjukkan bahawa industri perkhidmatan mampu menyumbang sehingga 80 peratus kepada sektor pekerjaan dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

"Pelaburan Terus Asing (FDI) bukan sahaja mengenai pelaburan dalam industri pembuatan. Projek Forest City (di Johor) yang diserang Dr Mahathir berkali-kali menggunakan sentimen perkauman adalah contoh kepada FDI bagi sektor perkhidmatan.

"Industri pembuatan kos rendah yang bersaing bagi menyediakan pekerjaan kos rendah sudah memainkan peranannya ketika Malaysia beranjak daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada pembuatan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Merencat laras gaji rakyat

Abdul Rahman berkata, Dr Mahathir perlu memahami Malaysia tidak lagi boleh bersaing berasaskan kepada sektor pembuatan kos rendah kerana ini bermakna negara akan berterusan merencatkan laras gaji rakyat dan pendapatan mereka.

Beliau menjelaskan, dalam keadaan ekonomi semasa dan zaman Dr Mahathir di mana penggunaan tenaga penuh diperlukan, Malaysia terpaksa bergantung kepada pekerja warga asing bagi mengisi pekerjaan dalam sektor pembuatan.

"Agak menghairankan, tiada pula rungutan daripada Dr Mahathir mengenai kiriman wang pekerja warga asing yang memperlihat pengaliran keluar wang dari Malaysia yang dianggarkan berjumlah RM20 bilion setahun," katanya.

Malaysia tak lagi boleh bersaing berasaskan sektor pembuatan kos rendah kerana akan merencatkan laras gaji rakyat"

Abdul Rahman Dahlan,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Aliran kemasukan FDI tinggi

Di sebalik fokus kerajaan untuk beralih dari pekerjaan pendapatan rendah dan industri pembuatan kepada segmen lebih tinggi, Abdul Rahman berkata, industri berasaskan perkhidmatan, sektor pembuatan tetap menerima aliran kemasukan FDI yang tinggi ketika ini.

Buktinya, pada 2015, daripada RM43.4 bilion FDI, hampir 40 peratus atau RM17.1 bilion adalah bagi sektor pembuatan, sekali gus menunjukkan Malaysia masih menjadi tarikan kepada FDI untuk terus melabur dalam sektor pembuatan di sini.

"Pelaburan bagi sektor pembuatan sejak 2009 masih berganda daripada yang diperoleh pada tahun 90-an ketika Tun Mahathir masih berkuasa.

"Bagaimanapun, pelaburan bagi sektor perkhidmatan sejak 2009 telah melonjak daripada RM30 bilion kepada RM150 bilion pada 2014 dan RM115 bilion pada 2015," katanya.